



JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



Ruj. Kami : JKNPP/03/08/1 Jld.17(65)
Tarikh : 15 November 2024

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB Dato'/YBhg. Dato'/YAA/Dr./Ir./Tuan/Puan,

**PERATURAN PEMBAYARAN PELARASAN GAJI BAGI PELAKSANAAN SISTEM
SARAAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI PEGAWAI DI PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menerima pakai **Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024**. Selaras dengan Pekeliling tersebut, Ketua Jabatan dikehendaki mematuhi tatacara pembayaran pelarasan gaji seperti berikut:

2.1 Kadar Pelarasan Gaji Mengikut Kumpulan Perkhidmatan

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Pelarasan Dan Tarikh Pelaksanaan	
	Fasa 1 : 1 Disember 2024	Fasa 2 : 1 Januari 2026
Pengurusan Tertinggi	4%	3%
Pengurusan dan Profesional	8%	7%
Pelaksana		

2.2 Pegawai Yang Layak Menerima Pelarasan Gaji

Fasa 1

- Pegawai yang dilantik sebelum 1 Disember 2024 dan sedang berkhidmat pada 1 Disember 2024; atau
- Pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 1 Disember 2024

Fasa 2

- i) Pegawai yang dilantik sebelum 1 Januari 2026 dan sedang berkhidmat pada 1 Januari 2026; atau
- ii) Pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 1 Januari 2026

2.3 Pegawai Yang Tidak Layak Menerima Pelarasan Gaji

- i) Pegawai yang menolak opsyen SSPA; atau
- ii) pegawai yang tidak lagi berkhidmat pada 1 Disember 2024 (Fasa 1) atau 1 Januari 2026 (Fasa 2)

2.4 Kaedah Bayaran Pelarasan Gaji Bagi Pelaksanaan SSPA

(a) Bayaran Melalui Sistem Berkomputer (iSPEKS)

- i) Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024;
- ii) Sedia Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) dan Borang Perubahan Gaji (Kew. 320); dan
- iii) Tindakan pelarasan hendaklah dilaksanakan mulai **18 November 2024 sehingga 30 November 2024.**

(b) Bayaran Melalui Arahan Bayaran

- i) Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024;
- ii) Sedia Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8); dan
- iii) Sedia arahan bayaran melalui Modul Akaun Belum Bayar dan lampirkan salinan Kew. 8 sebagai dokumen sokongan.

Ruj. Kami : JKNPP/03/08/1 Jld.17 (65)
Tarikh : 15 November 2024

2.5 Potongan Cukai Pendapatan/Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)/Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

Bayaran pelarasan gaji ini adalah tertakluk kepada potongan cukai pendapatan, caruman KWSP dan caruman PERKESO.

2.6 Tarikh Pembayaran

Pelarasan gaji ini akan dibayar bersekali dengan emolumen seperti berikut:

Fasa	Tarikh Pembayaran Emolumen
1	19 Disember 2024 (Khamis)
2	Tarikh Pembayaran Emolumen Januari 2026

2.7 Tanggungjawab Jabatan/PTJ

- i) Menyemak teliti, mengemas kini dan memastikan dokumen sokongan adalah lengkap dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024;
- ii) Semak maklumat dalam Laporan G025 – Lembaran Gaji sebaik sahaja Penyata Gaji dapat dimuat turun dari Portal iSPEKS; dan
- iii) Membuat kutipan semula amaun yang dibayar kepada yang tidak layak dan membuat pelarasan sewajarnya bagi sebarang kurangan atau lebihan bayaran.


Ruj. Kami : JKNPP/03/08/1 Jld.17 (65)
Tarikh : 15 November 2024

3. Kerjasama pihak YB Dato'/YBhg. Dato'/YAA/Dr./Ir./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang



: 604-6505185



: masni.aryanti@penang.gov.my

s.k. : YB Pegawai Kewangan Negeri

zu/sspa2420